

Ribut: Sabar tunggu bantuan

LANGKAWI 12 Ogos Tun Dr.

Mahathir Mohamad meminta orang ramai yang terjejas dengan kejadian ribut akibat tempas Taufan Lekima bersabar sementara kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka.


Perdana Menteri berkata, biarpun jumlah bantuan yang disalurkan mungkin tidak mencukupi tetapi ia sedikit sebanyak meringankan beban mereka untuk memperbaiki rumah masing-masing.

Menurut beliau, bantuan seumpama itu tidak berlaku di negara-negara lain yang ditimpa malapetaka lebih dahsyat seperti gempa bumi dan taufan.

"Walaupun bantuan ini tidak cukup, kita harus bersyukur kerana kerajaan masih membantu, tidak seperti di negara tertentu yang mangsa bencana tidak mendapat apa-apa bantuan.

"Disebabkan itu, rakyat perlu berasa terhutang budi kepada kerajaan dan tidak menafikan bantuan yang diterima mereka," katanya ketika berucap pada Majlis Korban di Masjid Ar Rahman, Kedawang di sini hari ini.

Jumaat lalu, lapan negeri dibadai tiupan angin akibat terkena tempas Taufan Lekima sehingga menyebabkan lebih 3,000 rumah mengalami kerosakan termasuk di Pulau



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan daging korban kepada salah seorang penduduk dalam majlis ramah mesra penduduk Kedawang sempena Majlis Korban di Masjid Ar-Rahman Kedawang, Langkawi, semalam. - **BERNAMA**

Langkawi.

Terdahulu, Dr. Mahathir bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali meluangkan masa melawat kawasan dilanda ribut di Jalan Teluk Baru, di sini.

Tambah beliau, rakyat Malaysia juga bernasib baik kerana kedudukan negara yang terletak antara Indonesia dan Filipina

menyebabkannya terlindung dari angin kencang Lautan Hindi dan tiupan taufan dari Lautan Pasifik.

Katanya, dalam masa yang sama, Malaysia juga tidak mempunyai gunung berapi dan kejadian gempa bumi yang boleh menyebabkan kerosakan lebih teruk seperti yang berlaku di negara lain.